

26/02/2003

Kepemimpinan Malaysia di peringkat dunia diuji

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

SEORANG wartawan Amerika Syarikat yang hadir sepanjang sidang Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur bertanya: "Mengapa Malaysia memperjuangkan konflik Iraq dan Palestin, sedangkan masalah pembangunan domestik dan rantau ini juga masih belum selesai?"

Jawapan saya mudah. Perkembangan di Asia Barat bukan saja menjadi kebimbangan Malaysia tetapi seluruh dunia. Semua merasai kesan terhadap apa juga perkembangan di sana. Ia menjadi tanggungjawab setiap manusia untuk menjaga nasib dan hak sesama insan yang lain.

Wartawan itu memandang ringan penjelasan saya, sebagaimana sikap pemimpin negaranya yang tidak mempedulikan suara seluruh masyarakat dunia

yang membantah serangan ke atas Iraq.

NAM secara sepakat menyatakan pendirian membantah sebarang bentuk serangan atau penindasan, sama ada terhadap Iraq atau Palestin. Semalam, semua 116 negara anggota NAM bersuara atas satu landasan kesepakatan menegaskan pendirian menerima dua kenyataan berasingan mengenai Iraq dan

Palestin (selain Deklarasi Kuala Lumpur dan dokumen akhir).

Hari ini, satu lagi badan antarabangsa - Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) - mengadakan pertemuan tidak rasmi dipengerusikan Perdana Menteri,

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi membincangkan isu keamanan sejagat. Pertemuan itu diadakan selepas Kuala Lumpur mendapat mandat dari beberapa

negara OIC yang meminta jasa baik Dr Mahathir untuk mengaturnya.

Presiden Iran, Mohammad Khatami menghubungi Dr Mahathir meminta supaya mengambil kesempatan berikutan kehadiran ramai pemimpin negara Islam dalam

sidang kemuncak NAM bagi mengadakan mesyuarat khas berkenaan.

Khatami yang ditemui Berita Harian semalam selepas mengadakan pertemuan

dua hala dengan Presiden Cuba Fidel Castro, sambil tersenyum mengucapkan terima kasih kepada Malaysia apabila diajukan soalan mengenai mesyuarat tidak rasmi OIC itu.

Walaupun enggan mengulas lanjut mengenai agenda mesyuarat berkenaan, namun kemesraan yang ditunjukkannya membayangkan kelegaan dan penghargaan kepada Malaysia.

"Saya akan hadir untuk mesyuarat itu esok....Terima kasih Malaysia," katanya.

Pada mulanya, rancangan mesyuarat tidak rasmi itu dibantah Qatar, pengerusi OIC sekarang, kerana ia mahu mengadakan sidang kemuncak tergepar OIC di Doha, walaupun tanpa menetapkan sebarang tarikh pada masa

itu. Namun, sebelum sidang NAM bermula minggu lalu, Emir Qatar Sheikh Hamad Khalifa Al-Thani, menyampaikan persetujuannya kepada mesyuarat berkenaan.

Ketika sidang NAM dimulakan bagi peringkat pegawai kanan (SOM) Jumaat

lalu, timbul dakwaan dari delegasi Qatar yang menegaskan bahawa Kuala Lumpur bukan menjadi tempat dan masa yang sesuai untuk mengeluarkan deklarasi mengenai krisis di Iraq.

Jurucakap Kementerian Luar Qatar, Adel Ali Al-Khal berkata: "Apa juga deklarasi mengenainya perlu dibuat di Qatar, sebagai pengerusi OIC sekarang. Ini bukan masa dan tempatnya untuk mengeluarkan sebarang deklarasi mengenai Iraq." Beliau juga turut memaklumkan bahawa Qatar sudah

membuat keputusan bagi sidang kemuncak tergepar yang akan diadakan di Doha 4 dan 5 Mac ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar memberi jaminan bahawa mesyuarat tidak rasmi OIC yang diadakan sehari selepas sidang NAM, di sini, adalah mesyuarat tidak formal yang akan membincangkan isu keamanan sejagat.

Sambil menegaskan mesyuarat itu bukan untuk memberi persaingan kepada mesyuarat tergepar OIC di Doha, Syed Hamid berkata Malaysia melihat perjumpaan tidak formal ini penting bagi negara OIC bertukar pandangan untuk memberi input mereka sebagai persediaan kepada sidang tergepar di Doha nanti.

Kira-kira 48 daripada 57 anggota OIC (40 anggotanya juga adalah anggota NAM) hari ini berkumpul dalam memberi input masing-masing kepada perkembangan konflik dunia yang semakin membimbangkan ekoran alirannya untuk tertumpu kepada negara Islam.

Biarpun pertubuhan ini dianggap tidak lagi relevan atau dipandang sinis

banyak penganalisis politik antarabangsa dengan kata-kata sindirannya - "Oh I See" - namun Malaysia yang akan mengambilalih jawatan pengerusi badan itu dari Qatar, Oktober ini, yakin ia dapat memberi pengaruhnya tersendiri.

Ini kerana, sumber diplomatik asing berkata, dengan kepemimpinan Dr Mahathir yang terus menekankan kepentingan bersuara bagi membantah sebarang ketidakadilan di dunia, ia dapat membuka mata banyak negara Arab

yang sebelum ini, tidak mahu campur tangan dalam mana-mana konflik antarabangsa membabitkan negara Islam.

Sumber itu turut menaruh keyakinan bahawa Malaysia yang akan menjadi pengerusi OIC, Oktober ini, dapat memberi satu perubahan yang diperlukan dalam badan berkenaan terutama bagi mendapat kesepakatan anggotanya memperjuangkan penindasan rakyat Palestin dan Iraq.